

18 JUL 2000

Parlimen-Mahathir (Sauk)

PEMBANGKANG SELIT SOALAN KEJADIAN DI SAUK KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan Dewan Rakyat hari ini telah digunakan oleh pembangkang untuk menyelitkan soalan berkaitan kejadian rompakan senjata oleh sekumpulan penjenayah di Gerik awal bulan ini.

Walaupun soalan tambahan yang dikemukakan tidak mempunyai kaitan dengan soalan asal yang dikemukakan, namun Perdana Menteri tetap memberi jawapan.

Dalam soalan asalnya, Wan Nik Wan Yusof (PAS-Bachok) meminta Dr Mahathir menjelaskan satu ucapannya mengenai perdagangan antarabangsa tetapi sebagai soalan tambahan, bertanya Perdana Menteri sama ada kejadian seperti buang bayi, bapa bunuh anak, guru terima peluru dari anak murid, bunuh pelajar, Al Ma'unah dan kejadian di Sauk serta pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, menunjukkan rakyat negara ini masih punyai nilai kemanusiaan dan manusia yang mempunyai budaya sendiri.

Dr Mahathir berkata semua perkara itu berlaku kerana ada pihak-pihak tertentu yang mengajar anak-anak kecil supaya membenci dan marah kepada orang "dengan tidak tentu hala".

"Bila diajar anak-anak supaya tidak hormat orang tua dan tak hormat guru, maka berlakulah guru terima peluru dari anak murid," katanya.

Beliau berkata semua ini berpunca daripada ajaran yang bertentangan ajaran Islam dan budaya tempatan.

"Anak-anak sejak di tadika telah diajar sikap benci. Bila perasaan benci dipupuk bertahun-tahun dan dah meluap, maka berlakulah peristiwa seperti di Sauk, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

"Ini (Al Ma'unah) parti itulah juga. Kita tak sebutlah parti apa. Dah pasti dah...mereka dah mengaku...kita ada senarainya," katanya.

Mohamad Sabu (PAS-Kuala Kedah) bangun untuk berkata sesuatu tetapi belum sempat menyoal Perdana Menteri, Dr Mahathir terlebih dahulu berkata: "Takut nak dengar ke? Kalau takut, katalah tak mahu dengar...senang, tak ada soal lagi."

"Apa berasa takut sangat Mat Sabu ni," kata Dr Mahathir sambil disambut gelak ketawa anggota penyokong kerajaan.

-- BERNAMA

NZ MAI